



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019 PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON (LELAKI/WANITA)

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **undang-undang PERSEKUTUAN BADMINTON ANTARABANGSA (BWF)**. Semua acara badminton akan menggunakan system kiraan 21 mata atau 'Rally Point Scoring System (3x21)' mengikut peraturan BWF.
- 1.2. Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.2.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019**
 - 1.2.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-undang **PERSEKUTUAN BADMINTON SEDUNIA (BWF)**.
- 1.3. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Badminton Kejohanan SUKSES 2019 adalah **muktamad**.

2. TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. **7hb hingga 10hb Ogos 2019**

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. **GEM INN MALL, CYBERJAYA**

4. PENYERTAAN

- 4.1. Setiap daerah hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan Lelaki dan satu (1) pasukan wanita yang terdiri daripada :-

PERKARA	LELAKI	WANITA
Pengurus Pasukan	1	-
Jurulatih	1	1
Atlet	8	8
JUMLAH	10	9

5. KELAYAKAN PESERTA.

- 5.1. Hanya warganegara Malaysia yang bermastautin atau bekerja atau belajar di Negeri Selangor sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.2. Peserta hendaklah berumur bawah 20 tahun pada tarikh kejohanan atau lahir pada tahun 1999 dan selepasnya.
- 5.3. Atlet yang pernah mewakili kebangsaan tidak dibenarkan untuk bertanding di kejohanan ini.

6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum perlawanan pertama dijalankan.

Tarikh : **7hb Ogos 2019**
Masa : **9.00 pagi**
Venue : **Gem Inn Mall, Cyberjaya**

- 6.2. Selepas mesyuarat dan taklimat, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

7. ACARA BERPASUKAN DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1. Penyertaan pasukan terhad kepada 9 pasukan daerah di Negeri Selangor sahaja.
- 7.2. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar maksimum 16 orang pemain; 8 (lelaki) dan 8 (wanita), dan 3 orang pegawai; seorang pengurus dan 2 orang jurulatih.
- 7.3. Seorang pemain hanya dibenarkan bermain satu (1) acara sahaja dalam satu (1) tie
- 7.4. Susunan perlawanan tidak boleh diubah tanpa persetujuan referee kejohanan, dan juga kedua-dua pengurus pasukan yang bertanding
- 7.5. Penyertaan dari 9 pasukan daerah akan ditentukan mengikut ranking ke dalam 3 kumpulan. Pertandingan akan dijalankan secara liga kumpulan
- 7.6. Hanya johan dari setiap kumpulan akan bermain dalam pusingan akhir. Pertandingan dalam pusingan akhir juga akan dijalankan secara kalah mati untuk menentukan johan, naib johan dan pemenang tempat ketiga.

8. ACARA INDIVIDU DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 8.1. Acara individu yang dipertandingkan ialah perseorangan lelaki (PL), perseorangan wanita (PW), bergu lelaki (BL), bergu wanita (BW) dan bergu campuran (BC)
- 8.2. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar peserta seperti berikut :-
 - 8.2.1. Dua (2) Perseorangan Lelaki (maksimum)
 - 8.2.2. Dua (2) Perseorangan Wanita (maksimum)
 - 8.2.3. Dua (2) Bergu Lelaki (maksimum)
 - 8.2.4. Dua (2) Bergu Wanita (maksimum)
 - 8.2.5. Dua (2) Bergu Campuran (maksimum)
- 8.3. Bagi semua acara, penentuan pemenang tempat ke-3 akan dipertandingkan
- 8.4. Pertandingan acara individu dijalankan secara **kalah-keluar**
- 8.5. Sistem ranking pemain akan ditentukan oleh Refree Kejohanan

9. MENARIK DIRI

- 9.1. Pasukan yang terlewat lima belas (15) minit dari masa yang dijadualkan bermain adalah dianggap memberi kemenangan tanpa bertanding kepada pihak lawanya itu.

10. PEGAWAI-PEGAWAI TEKNIKAL

- 10.1. Persatuan Badminton Selangor (SBA) akan melantik Refree dan pegawai teknikal
- 10.2. Jawatankuasa Pengelola berhak/berkuasa terhadap kelayakkan seseorang pemain / pasukan (termasuk menyingkirkan penyertaan pemain / pasukan)
- 10.3. Refree Kejohanan berhak / berkuasa membuat keputusan semasa dalam permainan

11. BANTAHAN

- 11.1. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan **RM 500.00 tunai**.
- 11.2. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan.
- 11.3. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan rasmi diumumkan.

12. JAWATANKUASA BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1. Seorang Pengerusi JK Pertandingan SBA
- 12.2. Seorang wakil pegawai MSN / **atau** Setiausaha JK Pertandingan SBA
- 12.3. Seorang Refree Kejohanan
- 12.4. Dua orang pengurus pasukan lain yang tidak berkaitan kes

13. HADIAH-HADIAH

- 13.1. Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :-

BIL	ACARA	PINGAT		
		EMAS	PERAK	GANGSA
1.	Perseorangan Lelaki	1	1	2
2.	Perseorangan Wanita	1	1	2
3.	Bergu Lelaki	1(2)	1(2)	2(4)
4.	Bergu Wanita	1(2)	1(2)	2(4)
5.	Bergu Campuran	1(2)	1(2)	2(4)
6.	Berpasukan Lelaki	1(8)	1(8)	2(16)
7.	Berpasukan Wanita	1(8)	1(8)	2(16)
Jumlah		7 (24)	7 (24)	14 (48)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)